



**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 1	Isnin	26 Februari 2024
---------------	--------------	-------------------------

K A N D U N G A N

ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL KETIGA MAJLIS PARLIMEN YANG KELIMA BELAS	(Halaman 1)
TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG	(Halaman 2)

KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN**Ahli-Ahli Yang Hadir:**

1. Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul
2. Perdana Menteri Dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Tambun)
3. Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi (Bagan Datuk)
4. Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Yusof (Petra Jaya)
5. Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
6. Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu (Kota Raja)
7. Menteri Pertahanan, Dato' Seri Haji Mohamed Khaled Bin Nordin (Kota Tinggi)
8. Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
9. Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
10. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi), Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
11. Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina Binti Sidek (Nibong Tebal)
12. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
13. Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Bin Mohd Ali (Papar)
14. Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya, Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
15. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
16. Menteri Sumber Manusia, Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
17. Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan (Pontian)
18. Timbalan Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air, Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Haji Mohd Nasir (Johor Bahru)
19. Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Haji Adly Bin Zahari (Alor Gajah)
20. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Mohamad (Lipis)
21. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah (Lenggong)
22. Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan Dan Industri, Tuan Liew Chin Tong (Iskandar Puteri)
23. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dato' Ramli Bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
24. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
25. Menteri Ekonomi, Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli (Pandan)
26. Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
27. Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan (Rembau)
28. Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
29. Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick (Penampang)
30. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Nancy Shukri (Santubong)
31. Menteri Perladangan Dan Komoditi, Datuk Seri Johari Bin Abdul Ghani (Titiwangsa)
32. Menteri Digital, Tuan Gobind Singh Deo (Damansara)
33. Menteri Belia Dan Sukan, Puan Hannah Yeoh (Segambut)
34. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Binti Mustafa (Sekijang)
35. Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah (Limbang)
36. Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
37. Timbalan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah, Datuk Hajah Rubiah Binti Haji Wang (Kota Samarahan)
38. Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Dato' Mohammad Yusof Bin Apdal (Lahad Datu)

39. Timbalan Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
40. Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu (Sepang)
41. Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim, Dato' Sri Huang Tiong Sii (Sarikei)
42. Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Mohamad Alamin (Kimanis)
43. Timbalan Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya, Tuan Khairul Firdaus Bin Akbar Khan (Batu Sapi)
44. Timbalan Menteri Komunikasi, Puan Teo Nie Ching (Kulai)
45. Timbalan Menteri Kewangan, Puan Lim Hui Ying (Tanjong)
46. Timbalan Menteri Belia Dan Sukan, Tuan Adam Adli Bin Abd Halim (Hang Tuah Jaya)
47. Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud (Sepanggar)
48. Timbalan Menteri Kesihatan, Dato Lukanisman Bin Awang Sauni (Sibuti)
49. Timbalan Menteri Digital, Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
50. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)
51. Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi), Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
52. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Dato' Ramanan Ramakrishnan (Sungai Buloh)
53. Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Wong Kah Woh (Taiping)
54. Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali (Pekan)
55. Tuan Haji Aminolhuda Bin Hassan (Sri Gading)
56. Tuan Zahir Bin Hassan (Wangsa Maju)
57. Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj (Segamat)
58. Datuk Jonathan Bin Yasin (Ranau)
59. Datuk Matbali Bin Musah (Sipitang)
60. Datuk Suhaimi Bin Nasir (Libaran)
61. Datuk Ir. Shahelmey Bin Yahya (Putatan)
62. Tuan Lee Chean Chung (Petaling Jaya)
63. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Klang)
64. Tuan Syahredzan Bin Johan (Bangi)
65. Puan Rodziah Binti Ismail (Ampang)
66. Tuan Manndzri Bin Nasib (Tenggara)
67. Tuan Tan Kar Hing (Gopeng)
68. Tuan Chow Yu Hui (Raub)
69. Tuan Tan Hong Pin (Bakri)
70. Dato' Mohd Isam Bin Mohd Isa (Tampin)
71. Dato' Haji Adnan Bin Abu Hassan (Kuala Pilah)
72. Dato' Haji Shamsulkahar Bin Mohd Deli (Jempol)
73. Tuan Lo Su Fui (Tawau)
74. Tuan Edwin Anak Banta (Selangau)
75. Tuan Richard Rapu @ Aman Anak Begri (Betong)
76. Datuk Andi Muhammad Suryady Bin Bandy (Kalabakan)
77. Puan Young Syefura Binti Othman (Bentong)
78. Puan Syerleena Binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)
79. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (Hulu Langat)
80. Tuan Azli Bin Yusof (Shah Alam)
81. Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)
82. Tuan Haji Onn Bin Abu Bakar (Batu Pahat)
83. Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli (Batang Lupar)
84. Tuan Chong Zhemin (Kampar)
85. Tuan Lee Chuan How (Ipoh Timor)
86. Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari (Sungai Petani)
87. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail (Bandar Tun Razak)
88. Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob (Bera)
89. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
90. Datuk Seri Panglima Haji. Mohd. Shafie Bin Haji. Apdal (Semporna)

91. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
92. Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein (Sembrong)
93. Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem (Serian)
94. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
95. Dato' Sri Doris Sophia Anak Brodi (Sri Aman)
96. Tuan Chow Kon Yeow (Batu Kawan)
97. Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun (Port Dickson)
98. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
99. Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh (Bukit Gelugor)
100. Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
101. Dato' Seri Amirudin Bin Shari (Gombak)
102. Datuk Seri Panglima Bung Moktar Bin Radin (Kinabatangan)
103. Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah (Paya Besar)
104. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
105. Datuk Seri Jalaluddin Bin Alias (Jelebu)
106. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
107. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
108. Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
109. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)
110. Puan Yeo Bee Yin (Puchong)
111. Puan Isnaraissah Munirah Binti Majilis (Kota Belud)
112. Dato' Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik (Balik Pulau)
113. Tuan Hassan Bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
114. Tuan Wong Chen (Subang)
115. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
116. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
117. Datuk Seri Panglima Gapari Bin Katingan @ Geoffrey Kitingan (Keningau)
118. Datuk Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
119. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
120. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
121. Datuk Hajah Siti Aminah Binti Aching (Beaufort)
122. Tuan Haji Yusuf Bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
123. Datuk Seri Utama Ir. Hasni Bin Mohammad (Simpang Renggam)
124. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
125. Tuan Mordi Bimol (Mas Gading)
126. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
127. Tuan Chiew Choon Man (Miri)
128. Dato Anyi Ngau (Baram)
129. Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)
130. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
131. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji (Jelutong)
132. Tuan Suhaizan Bin Kaiat (Pulai)
133. Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh (Ledang)
134. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
135. Tuan Haji Ahmad Johnie Bin Zawawi (Igan)
136. Tuan Roy Angau Anak Gingkoi (Lubok Antu)
137. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
138. Tuan Prabakaran A/L M. Parameswaran (Batu)
139. Tuan Riduan Bin Rubin (Tenom)
140. Dato' Verdon Bin Bahanda (Kudat)
141. Puan Rodiyah Binti Sapiee (Batang Sadong)
142. Datuk Wetrom Bin Bahanda (Kota Marudu)
143. Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim (Arau)
144. Tuan Afnan Hamimi Bin Dato' Haji Taib Azamudden (Alor Setar)
145. Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (Maran)
146. Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli (Dungun)
147. Dato' Mohd Suhaimi Bin Abdullah (Langkawi)
148. Tuan Sabri Bin Azit (Jerai)
149. Dato' Syed Abu Hussin Bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
150. Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar)

151. Tuan Shahrizukirnain Bin Abd Kadir (Setiu)
152. Tuan Haji Kamal Bin Ashaari (Kuala Krau)
153. Datuk Iskandar Dzulkarnain Bin Abdul Khalid (Kuala Kangsar)
154. Tuan Haji Bakri Bin Jamaluddin (Tangga Batu)
155. Dr. Siti Mastura Binti Muhammad (Kepala Batas)
156. Kapten Azahari Bin Hasan (Padang Rengas)
157. Dr. Haji Abd Ghani Bin Haji Ahmad (Jerlun)
158. Dato' Haji Abdul Khalib Bin Abdullah (Rompin)
159. Tuan Zakri Bin Hassan (Kangar)
160. Tuan Rushdan Bin Rusmi (Padang Besar)
161. Puan Hajah Salamiah Binti Mohd Nor (Temerloh)
162. Komander Nordin Bin Ahmad Ismail TLDM (B) (Lumut)
163. Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib (Parit)
164. Tuan Kalam Bin Salan (Sabak Bernam)
165. Tuan Wan Razali Bin Wan Nor (Kuantan)
166. Tuan Jamaludin Bin Yahya (Pasar Salak)
167. Tuan Fathul Huzir Bin Ayob (Gerik)
168. Tuan Syed Saddiq Bin Syed Abdul Rahman (Muar)
169. Kapten Datuk Dr. Zulkafperi Bin Hanapi (B) (Tanjong Karang)
170. Tuan Mohd Azizi Bin Abu Naim (Gua Musang)
171. Dato' Indera Dr. Suhaili Bin Abdul Rahman (Labuan)
172. Datuk Haji Idris Bin Haji Ahmad (Bagan Serai)
173. Dr. Radzi Jidin (Putrajaya)
174. Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar (Kemaman)
175. Dato' Sri Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
176. Dato' Haji Ahmad Bin Saad @ Yahaya (Pokok Sena)
177. Datuk Muslimin Bin Yahaya (Sungai Besar)
178. Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk Bin Shaary (Pengkalan Chepa)
179. Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
180. Datuk Wan Saifulruddin Bin Wan Jan (Tasek Gelugor)
181. Dato' Khilir Bin Mohd Nor (Ketereh)
182. Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh (Besut)
183. Dato' Mumtaz Binti Md Nawi (Tumpat)
184. Tuan Mohd Misbahul Munir Bin Masduki (Parit Buntar)
185. Dato' Dr Ahmad Yunus Bin Hairi (Kuala Langat)
186. Tuan Zulkifli Bin Ismail (Jasin)
187. Dato' Dr. Haji Alias Bin Razak (Kuala Nerus)
188. Dr. Ahmad Fakhruddin Bin Fakhruddin (Kuala Kedah)
189. Tuan Nurul Amin Bin Hamid (Padang Terap)
190. Tuan Roslan Bin Hashim (Kulim Bandar Baharu)
191. Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin (Larut)
192. Tan Sri Haji Mahiaddin Bin Mohd. Yassin (Pagoh)
193. Dato' Sri Tuan Ibharim Bin Tuan Man (Kubang Kerian)
194. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
195. Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan (Kota Bharu)
196. Datuk Wira Hajah Mas Ermeyati Binti Haji Samsudin (Masjid Tanah)
197. Tuan Haji Mohd Syahir Bin Che Sulaiman (Bachok)
198. Dato' Rosol Bin Wahid (Hulu Terengganu)
199. Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
200. Datuk Haji Awang Bin Hashim (Pendang)
201. Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Bin Haji Salleh (Pasar Puteh)
202. Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
203. Tuan Haji Abdul Latiff Bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
204. Tuan Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman (Sik)
205. Tuan Ahmad Fadli Bin Shaari (Pasar Mas)
206. Tuan Mohd Nazri Bin Abu Hassan (Merbok)
207. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Bin Ku Ismail (Kubang Pasu)
208. Tuan Muhammad Fawwaz Bin Mohamad Jan (Permatang Pauh)
209. Dato' Azman Bin Nasrudin (Padang Serai)
210. Tuan Haji Mohd Hasnizan Bin Harun (Hulu Selangor)

211. Ir. Ts. Khairil Nizam Bin Khirudin (Jerantut)
212. Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas (Mersing)
213. Tuan Hassan Bin Saad (Baling)

Senator Yang Turut Hadir:

1. Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Mutang Tagal
2. Menteri Dalam Negeri, Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail
3. Menteri Pelaburan, Perdagangan Dan Industri, Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz
4. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar
5. Menteri Kewangan II, Senator Datuk Seri Amir Hamzah Bin Azizan
6. Menteri Pendidikan Tinggi, Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir
7. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Senator Puan Hajah Fuziah Binti Salleh
8. Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Senator Puan Saraswathy A/P Kandasami
9. Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr. Zulkifli Bin Hasan
10. Senator Dato' Sri Ti Lian Ker
11. Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
12. Senator Datuk Razali Bin Idris
13. Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
14. Senator Tuan Manolan Bin Mohamad
15. Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Bin Abu Hanifah
16. Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol
17. Senator Datin Ros Suryati Binti Alang
18. Senator Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa
19. Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan
20. Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh
21. Senator Datuk Dr. Haji Azhar Bin Ahmad
22. Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
23. Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah
24. Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang Bin Sariyan
25. Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli
26. Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran
27. Senator Tuan Mohd Hasbie Bin Muda
28. Senator Tuan Abun Sui Anyit
29. Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead
30. Senator Puan Noorita Binti Sual
31. Senator Dato' Haji Husain Bin Awang
32. Senator Tuan Haji Hussin Bin Ismail
33. Senator Datuk Haji Aziz Bin Ariffin
34. Senator Tuan Seruandi Bin Saad
35. Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair
36. Senator Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah
37. Senator Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff
38. Senator Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz
39. Senator Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar
40. Senator Datuk Seri Dr. Mujahid Bin Yusof
41. Senator Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris
42. Senator Tuan Musoddak Bin Ahmad
43. Senator Dato' Ajis Bin Sitin
44. Senator Datuk Lim Pay Hen
45. Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman
46. Senator Datuk Noraini Binti Idris
47. Senator Datuk Haji Mustafa Bin Musa
48. Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam
49. Senator Tuan Amir Bin Md Ghazali
50. Senator Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim

51. Senator Tuan Michael Mujah Lihan
52. Senator Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya
53. Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:

1. Datuk Seri Saravanan A/L Murugan (Tengah)
2. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
3. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
4. Tuan Zahari Bin Kechik (Jeli)
5. Datuk Ali Anak Biju (Saratok)

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir Di Bawah Peraturan Mesyuarat 91:

1. Menteri Komunikasi Dan Digital, Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
2. Timbalan Menteri Ekonomi, Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
3. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
4. Tuan Wan Ahmad Fayhsal Bin Wan Ahmad Kamal (Machang)
5. Tan Sri Haji Abdul Hadi Bin Haji Awang (Marang)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 26 Februari 2024**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.35 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**ISTIADAT PEMBUKAAN PENGKAL KETIGA
MAJLIS PARLIMEN YANG KELIMA BELAS**

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Parlimen Yang Kelima Belas, Pengkal Ketiga yang diadakan bersama di antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekarang berlangsung. Persidangan ini adalah di bawah Perkara 60, Perlembagaan Persekutuan di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan bertitah kepada Ahli-ahli kedua-dua Majlis Parlimen bersesama. Sekarang saya tempohkan persidangan buat sementara waktu untuk menyambut keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Persidangan ditempohkan.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 10.40 pagi]

■1040

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 10.44 pagi]

[Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Dewan Mesyuarat dan bersemayam di Peterana Diraja]

[Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempersembahkan Titah Diraja kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong]

**TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDAYANG DI-PERTUAN AGONG XVII
SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR**

Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad, semulia-mulia rasul serta keluarga dan para sahabatnya sekalian.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, saudara saudari yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya hadiri ke Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas pada pagi yang mulia ini.

Istiadat hari ini amat bermakna buat saya kerana ini merupakan kali pertama saya datang ke bangunan Parlimen ini setelah mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-XVII pada 31 Januari yang lalu. Pada kesempatan ini saya menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Tengku Ampuan Pahang yang telah menaungi negara dan rakyat jelata selama lima tahun yang lalu dengan adil dan bijaksana.

Insya-Allah, dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya akan memikul amanah yang diberikan dengan jujur dan ikhlas dan meneruskan pemerintahan yang mengutamakan kemakmuran negara dan kesejahteraan hidup rakyat. Tahniah saya ucapkan kepada Perdana Menteri dan barisan anggota pentadbiran kerajaan yang telah mentadbir negara dengan sempurna. Pesanan saya, sentiasa rasai denyut nadi rakyat kerana menjadi kewajipan kerajaan untuk membela nasib rakyat.

■ **1050**

Saudara saudari sekalian, saya adalah orang baru di sini dan belum sampai satu bulan memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong. Oleh itu, banyak perkara yang saya kena belajar. Ucapan saya hari ini lebih halus kalau dibandingkan dengan ucapan saya di Johor. Saya bagi peluang supaya tidak ada yang tersinggung, tapi akan datang harap berjaga-jaga. [*Tepuk*].

Pemerintahan saya sebagai Yang di-Pertuan Agong adalah sama seperti Agong yang lepas iaitu mengikut Perlembagaan, dasar dan peraturan yang ditetapkan. Kedudukan saya di sini adalah bagi menjalankan tanggungjawab dan memikul amanah Raja-raja untuk memastikan kedaulatan tanah air, kemakmuran negara dan kesejahteraan hidup rakyat akan sentiasa terpelihara.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak sama ada yang duduk sebelah kanan atau di sebelah kiri, marilah kita bersatu hati, berganding bahu dan bekerjasama untuk membangunkan negara demi kepentingan seluruh rakyat Malaysia. [*Tepuk*].

Di mata saya, kejayaan atau kegagalan negara ini bukan terletak di bahu Perdana Menteri sahaja tetapi semua 222 Ahli Dewan Rakyat telah diamanahkan oleh rakyat sebagai wakil mereka dalam kerajaan. Semua pihak sedia maklum keutamaan saya adalah keadaan hidup lebih 33 juta rakyat Malaysia di luar sana. Oleh itu, saya berharap semua Ahli Yang Berhormat akan menumpukan usaha untuk membela nasib hidup mereka bukannya untuk kepentingan parti politik atau diri sendiri.

Ingin saya tegaskan di sini, yang saya tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana pihak yang cuba menggugat kestabilan politik negara. [*Tepuk*]. Semua pihak mestilah menerima kenyataan dan menghormati Kerajaan Perpaduan yang telah dibentuk. Jika ada hendak bermain politik, tunggulah masa pilihan raya yang akan datang. [*Tepuk*].

Saudara saudari sekalian, suka saya ingatkan bahawa Parlimen ini adalah tempat para penggubal undang-undang berhimpun untuk membuat peraturan dan Yang Berhormat semua adalah para penggubalnya. Oleh itu, adalah tidak masuk akal jika penggubal itu sendiri gagal untuk mematuhi peraturan yang dibuat. Oleh yang demikian, saya harap semua Ahli Dewan akan tunjukkan contoh teladan yang baik apabila berada di Dewan yang mulia ini. Jaga adab dan tata tertib serta gunakan tutur kata yang sopan bukannya memaki hamun orang lain. Kalau tengok perangai Ahli Dewan sebelum ini, saya pun berasa malu hendak masuk ke Dewan ini. [*Tepuk*].

Yang di-Pertua kedua-dua Dewan mesti menjalankan tugas dengan tegas untuk memastikan semua Ahli mesyuarat mematuhi peraturan di sepanjang tempoh persidangan. Saya berikan *greenlight* kepada Speaker untuk ambil tindakan kepada Ahli-ahli yang melampau batas. Boleh kenakan *ban* 14 hari jika ada yang masih degil [*Tepuk*]. Oleh yang demikian, saya harap semua Ahli-ahli Dewan akan tunjukkan contoh teladan yang baik apabila berada di Dewan yang mulia ini.

Saya perhatikan setelah 60 tahun Malaysia dibentuk, hubungan perpaduan antara kaum masih belum sempurna kerana masih ada generasi hari ini yang gagal menguasai bahasa kebangsaan dan memahami budaya hidup kaum yang lain. Oleh itu, saya menyeru kepada kerajaan untuk merangka satu dasar ke arah perpaduan rakyat yang lebih kukuh dan harmoni.

Pepatah Melayu ada menyebut, '*Melentur buluh biarlah dari rebungunya*', yang bermaksud jika kita hendak melahirkan generasi masa depan yang bersatu padu dan saling memahami, kita mesti membentuk mereka sejak dari kecil. Saya juga menyeru

kepada semua lapisan masyarakat supaya menjaga keharmonian negara dan tidak memainkan isu sensitif yang melibatkan raja, kaum dan agama. *[Tepuk]*.

Perlembagaan telah mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi Malaysia dan akan terus kekal terpelihara. Namun begitu, agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman tetapi tidak boleh disebarikan kepada orang Islam. *[Tepuk]*. Oleh itu, janganlah ada mana-mana pihak yang cuba menggugat atau mempolitikkan asas Perlembagaan ini – Panjang pula. *[Ketawa]*. Saya berpuas hati dengan usaha kerajaan dalam menyelesaikan perkara-perkara berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 dan berharap agar ianya memenuhi hasrat dan aspirasi demi kemakmuran bersama.

■1100

Saudara saudari sekalian, saya berasa kecewa apabila dimaklumkan bahawa kerajaan hari ini sedang menanggung beban hutang yang semakin besar. Ini disebabkan, sejak tahun 1998, kerajaan sentiasa berada dalam kedudukan defisit fiskal. Adakah beban ini akan kita tinggalkan untuk ditanggung oleh anak cucu kita nanti? Jawapannya adalah pada semua Ahli-ahli Dewan di sini.

Keadaan kewangan kerajaan yang telah lama lemah, akan menyukarkan kerajaan untuk melaksanakan projek pembangunan baharu atau memberikan suntikan kewangan bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, saya menyokong hasrat kerajaan untuk segera mengambil langkah penjimatan termasuk melaksanakan pemberian subsidi secara bersasaran.

Selain dari itu, dasar-dasar baharu yang lebih menyeluruh perlu terus diperkenalkan. Antaranya pengenalan kepada Akta Kewangan dan Tanggungjawab Fiskal 2023 yang merupakan satu langkah pembaharuan bagi meningkat urus tadbir pengurusan kewangan awam supaya lebih telus dan bertanggungjawab. Saya juga akan meneliti perbelanjaan kerajaan dan memastikan setiap cadangan perbelanjaan adalah untuk perkara yang betul-betul diperlukan. Saya berharap semasa pemerintahan saya ini, kerajaan akan berjaya memperoleh lebih fiskal setiap tahun. *[Tepuk]* Kerajaan juga mesti bersikap tegas bagi membendung ketirisan dan penyelewengan dana awam. Kelemahan urus tadbir ini, semua peringkat perlu diperiksa termasuk di dalam badan berkanun dan syarikat milik kerajaan serta anak-anak syarikatnya.

Saudara saudari sekalian, pada tahun 2023, kedudukan ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 3.7 peratus dan kekal mampan walaupun prestasi pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global berada di tahap sederhana. Kadar pengangguran negara berada pada tahap 3.3 peratus dan kadar inflasi sebanyak 2.5 peratus.

Jumlah pelaburan diluluskan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM329.5 bilion, telah mencipta lebih 127,000 peluang pekerjaan [*Tepuk*] dalam tempoh yang sama. Bagi perdagangan antarabangsa pula, eksport negara telah mencatat nilai sebanyak RM1.426 trilion pada tahun 2023 [*Tepuk*], *mid*.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada tahun 2024 dianggar berada pada tahap antara empat peratus ke lima peratus disokong oleh langkah dan pembaharuan yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2024 tempoh hari.

Sebagai langkah jangka sederhana, kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat yang telah dilancarkan adalah komitmen kerajaan untuk merancang dan menstrukturkan semula aktiviti ekonomi serta pelaburan. Selari dengan hasrat ini, kerajaan telah merangka Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Belanjawan 2024 untuk mengangkat taraf hidup rakyat ke tahap yang lebih tinggi berlandaskan keadilan sejagat.

Saya juga berharap kerajaan mengambil pendekatan yang proaktif dalam melaksanakan agenda pembaharuan untuk memperkukuhkan daya saing negara sebagai sebuah ekonomi yang mampan sejajar dengan keperluan semasa.

Kerajaan juga perlu menyediakan insentif yang menarik dan memudahkan segala urusan melalui tadbir urus yang cekap. Polisi yang dibuat di peringkat Persekutuan juga hendaklah disesuaikan dengan keadaan persekitaran di negeri-negeri kerana setiap negeri mempunyai keadaan yang berbeza-beza, terutama dalam sektor pembangunan hartanah.

Saudara saudari sekalian, peningkatan taraf sistem pendidikan tinggi dalam negara telah melahirkan ramai graduan yang bermutu tinggi. Namun, peluang pekerjaan yang ditawarkan pada masa ini adalah tidak setaraf dengan kelayakan yang mereka miliki. Oleh yang demikian, kerajaan perlu berusaha menarik pelaburan bernilai tinggi supaya peluang pekerjaan yang dihasilkan akan memberi pendapatan yang berpatutan.

Di kesempatan ini, saya menyeru semua pihak agar memanfaatkan Tahun Melawat Malaysia 2026. Pemilihan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 juga akan membuka peluang ekonomi bagi menjana sumber pendapatan selain mempromosikan budaya dan warisan negara kepada para pelancong yang berkunjung kelak.

Oleh sebab kos import yang semakin tinggi, kerajaan hendaklah meningkatkan usaha dan galakan untuk pengeluaran barangan dalam negara terutama bekalan makanan harian dan bahan mentah. Oleh itu, meningkatkan pengeluaran makanan hendaklah dibuat lebih tersusun agar jaminan makanan negara mencapai sasarannya.

Pada masa yang sama, pelbagai program untuk membantu petani, penternak dan nelayan perlu ditingkatkan agar penghasilan dan pendapatan mereka berada di tahap yang tinggi.

Saudara saudari sekalian, saya menyambut baik kedudukan Malaysia di tangga ke-29 dalam Indeks Daya Saing Dunia 2023 dalam aspek kecekapan kerajaan yang mengalu-alukan usaha berterusan bagi meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kecekapan perkhidmatan agensi kerajaan.

■1110

Jentera kerajaan mestilah meningkatkan kecekapan dan mengamal prinsip kerja berintegriti supaya pembangunan ekonomi dapat dicapai dengan jayanya. Saya tidak suka dengan sistem yang banyak “*red tape*”. Oleh itu, kecekapan proses kerja, tadbir urus setiap agensi kerajaan mestilah sentiasa dinilai dan ditingkatkan.

Agensi penguat kuasa hendaklah menjalankan siasatan dengan lebih cekap dan cepat supaya sesuatu kes itu dapat diselesaikan dengan segera. Semua kes yang telah dibawa ke mahkamah juga mestilah segera diadili supaya kepercayaan rakyat terhadap sistem kehakiman negara sentiasa dipelihara.

Saudara, saudari sekalian, pendirian Malaysia dalam mendukung keamanan dan menentang keganasan harus disuarakan dengan lebih tegas di peringkat antarabangsa. Selain itu ada di peringkat ASEAN mahupun di dunia, Malaysia perlu terus aktif berperanan dalam memupuk semangat perpaduan dan memacu kemajuan, mengambil kira cabaran geopolitik di perkembangan serantau.

Malaysia perlu tegas menyuarakan ketegasan pendirian berhubung isu Palestin dengan menggesa supaya gencatan senjata segera dilaksanakan dan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza dipercepatkan. *[Tepuk]*

Saudara, saudari sekalian saya amat menghargai taat setia yang telah dicurahkan kepada saya dan negara oleh semua anggota perkhidmatan awam, angkatan tentera, Polis Diraja Malaysia serta seluruh agensi kerajaan yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi tanpa mengenal penat dan lelah. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua rakyat jelata yang mengekalkan perpaduan yang harmoni, hidup bersatu padu dan berpegang teguh kepada Rukun Negara. *[Tepuk]* – Saya takut ada juga yang tertidur kalau panjang sangat. Jadi, saya pendekkan sikit.

Akhir kata, marilah kita berdoa ke hadrat Allah SWT semoga negara Malaysia dikurniakan rahmat dan keberkatan, kekal aman, maju dan makmur. *[Tepuk]*

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, wassamuallaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]*

DR. 26.2.2024

7

*[Doa Selamat dibacakan oleh Sahibus Fadillah Imam Besar Masjid Negara,
Tuan Haji Ehsan bin Haji Mohd Hosni]*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.19 pagi]

*[Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berangkat meninggalkan Majlis
Parlimen]*